

ANALISIS PERBUALAN PELAJAR DARI TUJUH NEGARA DI SEKOLAH ST PATRICK LIMERICK, IRELAND

NORMALIZA ABD RAHIM

drnormaliza@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu-Indonesia Interpretasi dan Terjemahan, Hankuk University of Foreign Studies, 89 Wangsan-ri, Mohyeon-myeon, Cheoin-gu Yongin-si, Gyeonggi-do, Korea 449-791

SITI NUR ALIAA ROSLAN

aliaaroslan@gmail.com

Jabatan Kejuruteraan Geomatik, Sekolah Senibina and Alam Bina, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan 25 orang pelajar dari satu Kelas 6 di St Patrick School, Limerick Ireland. Subjek terdiri dari pelajar lelaki yang berasal dari negara Poland, Malaysia, Ireland, Italy, Portugal, Greece dan Bosnia. Bahasa perantaraan semasa perbualan adalah bahasa Inggeris yang mempunyai pengaruh kuat dari negara asal pelajar tersebut. Bahasa Inggeris adalah merupakan bahasa kedua atau ketiga bagi pelajar tersebut dan komunikasi di antara mereka agak sukar difahami pada peringkat awal. Kajian mengambil masa selama empat minggu setiap hari selama 2 jam waktu rehat dan waktu bermain. Perbualan mereka dirakam dan dianalisis bagi tujuan kajian ini. Keputusan kajian ini mendapati bahawa walaupun pelajar mempunyai budaya dan bahasa yang berbeza namun mereka dapat berbual dengan baik dan memahami akan apa yang dibuahkan.

Kata kunci: perbualan, komunikasi, bahasa, pengaruh, budaya, minat

Kata kunci: interaksi, komunikasi, bahasa, pengaruh, budaya, minat

ABSTRACT

This study involved 25 subjects from a class of Class 6 at St Patrick School, Limerick Ireland. The subjects consisted of male students from Poland, Malaysia, Ireland, Italy, Portugal, Greece and Bosnia. The language used for communication was English which has big influence from the country that they come from. The English language was the second or third language for the subjects and communication between each other was difficult in the beginning. The study took 2 hours everyday for four weeks during their break, play and lunch hours. Their conversation were taped and analyzed for the purpose of the study. The results of the study revealed that although the subjects had differences in culture and language but they managed to interact and understand what was being said.

Keywords: *interaction, communication, language, influence, culture, interest*

**Kertas kerja ini telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII pada 9 dan 10 November 2011 di Auditorium Kejuruteraan, UPM.*

Pengenalan

Ireland merupakan salah sebuah negara yang mengandungi penduduk dari berbilang bangsa dan negara. Pada awal tahun 2000, Ireland menerima kedatangan imigran dari negara Eropah. Kedatangan beramai-ramai imigran dari Poland dan Bosnia lebih menonjolkan negara Ireland sebagai negara yang ingin memberi bantuan yang sepenuhnya terhadap imigran ini. Pendatang Poland misalnya datang ke Ireland kerana negara mereka sendiri mempunyai krisis politik serta ekonomi yang teruk pada masa itu. Justeru, penduduk Poland telah lari beramai-ramai ke United Kingdom dan Ireland. Ada juga di antara mereka yang lari ke negara Eropah yang lain. Selain itu, terdapat ramai imigran yang berhijrah ke Ireland demi untuk menaik tarafkan kehidupan mereka kerana pada masa itu krisis ekonomi melanda setiap negara Eropah dan jalan penyelesaian bagi imigran ini ialah dengan berhijrah. Oleh sebab terdapat peminjiran beramai-ramai imigran, bahasa merupakan satu halangan dalam sistem komunikasi dan lebih utama di dalam sistem pendidikan negara itu. Tiada kajian yang didapati bagi mengatasi masalah ini justeru kajian ini diharapkan dapat sedikit sebanyak membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran.

Kajian yang telah dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim (2011a) mengenai analisis perbualan dalam *twitter* pelajar universiti didapati bahawa pelajar meluahkan perasaan dengan menggunakan ayat yang ringkas. Ayat yang tertera di laman *twitter* dianalisis bagi tujuan kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar dapat memahami apa yang ditulis oleh rakan mereka di laman *twitter* tersebut dan ayat yang mereka gunakan dapat dilihat sebagai persoalan atau perbincangan. Normaliza Abd Rahim (2011b) juga membincangkan mengenai gangguan dalam perbualan 10 pelajar kumpulan fokus dengan guru. Pelajar yang terlibat berumur 10 tahun dan mereka diberi satu topik untuk diperbincangkan. Analisis perbualan pelajar tersebut dibincangkan dan gangguan perbualan dianalisis. Melalui analisis perbualan ini, pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap tajuk perbincangan dan tanpa kehadiran guru, pelajar diganggu dengan topik-topik perbualan lain yang dikemukakan oleh rakan mereka. Kanak-kanak mempunyai gangguan dalam komunikasi dan gangguan ini dipengaruhi oleh persekitaran, ibu bapa dan rakan sebaya.

Menurut Tan Chong Seng dan Mohammad Yusof Arshad (2008) dan Cazden (1986) interaksi verbal merupakan suatu kemahiran berbahasa yang ada secara semula jadi daripada setiap individu atas tujuan tertentu. Interaksi verbal biasanya melibatkan bahasa yang dikaitkan

dengan percakapan (talk) (Dawes *et al.*, 2004, Mercer, 2005, Nassaji, 2011), perbualan (discourse) (Gillen *et al.*, 2007, Myhill 2006) sama ada antara guru dengan pelajar atau antara pelajar sendiri. Interaksi verbal ini telah dianggap sebagai komunikasi utama dalam proses pembelajaran (Nassaji dan Tian, 2010) kerana ia tidak berlaku sebagai perbualan biasa tetapi lebih kepada tujuan pedagogi dalam proses membantu kefahaman pelajar (Nassaji dan Wells, 2000). Nassaji dan Tian (2010) dan Nassaji dan Wells (2000) mendapati bahawa dalam perbualan adalah wajar jika kedua belah pihak memahami akan apa yang diujarkan dan topik perbualan yang dipersetujui itu difahami oleh kedua belah pihak. Kadangkala terdapat konflik dalam sesebuah perbualan namun konflik ini dapat diatasi dengan menjelaskan dengan teliti kepada pihak yang lain. Justeru itu, perbualan di antara dua atau lebih pihak harus mempunyai persetujuan dan pemahaman topik yang diperbualkan. Walau bagaimanapun, Edwards dan Westgate (1987) mendapati bahawa struktur interaksi verbal antara guru dan pelajar telah memaparkan pembetulan sesuatu perkongsian perhatian ke atas aktiviti secara bersama di dalam bilik darjah. Perbualan ini agak berlainan berbanding dengan perbualan di antara rakan kerana perbualan di antara guru dan pelajar biasanya berlandaskan tajuk yang formal dan memerlukan masa untuk memahami serta pada masa yang sama sikap hormat pelajar terhadap guru akan memberikan perasaan yang kurang selesa dalam memberi pendapat. Tetapi ini tidak bermakna pelajar tidak boleh memberikan pendapat masing-masing dan biasanya perbualan ini menjadi tidak formal dan perasaan kurang selesa hilang seketika dan perbualan berlaku dengan baik.

Kajian oleh Normaliza Abd Rahim *et al.*, (2011) memberi tumpuan kepada pelajar di sebuah sekolah di United Kingdom. Kajian ini melibatkan pelajar dari sebuah kolej di United Kingdom dan pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil. Pelajar dikehendaki membuat satu pergerakan animasi dan harus menyiapkan tugas tersebut dalam masa tiga minggu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti langkah-langkah dalam pembinaan animasi video serta menganalisis perbualan dan perbincangan pelajar semasa melakukan aktiviti tersebut. Keputusan kajian mendapati bahawa pelajar dapat membahagikan langkah kepada menulis papan cerita, membuat patung animasi, fotografi dan penggunaan video dan komputer untuk animasi tersebut. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap tugas berbentuk media ini walaupun pada peringkat awal terdapat halangan dari segi gangguan dari luar serta komunikasi dari kumpulan lain. Kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik dan para

akademik dalam menggunakan teknologi terkini. Teknologi terkini termasuk pembuatan pergerakan animasi video di dalam pembelajaran. Selain itu, kajian ini dapat membantu pelajar dalam memperoleh keyakinan diri dalam memberikan pendapat. Justeru pelajar dapat manfaat bukan sahaja keyakinan diri tetapi juga berjaya memperoleh satu perkara baru dalam teknologi, iaitu membuat animasi video. Menurut Stahl (2009), perbincangan berkumpulan sebagai satu perkara yang penting dalam bekerjasama secara berdua atau berkumpulan kecil dan dapat mengekalkan suasana pembelajaran. Stahl (2009) juga mendapati bahawa berkerjasama di dalam kumpulan kecil dapat memberi ruang kepada semua pihak dalam memberikan pendapat serta mampu bercerita dengan bersemangat bersama dengan rakan yang lain. Weinberger dan Fischer (2005) juga mempunyai dapatan kajian yang hampir sama dengan Normaliza Abd Rahim et al., (2011) yang memberi tumpuan kepada media teknologi sebagai peranan yang penting dalam pembelajaran berkumpulan.

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis perbualan di antara pelajar dari 7 buah negara. Kajian ini juga membincangkan pengaruh pelajar melalui perbualan yang berlaku di antara pelajar-pelajar berikut.

Metodologi

Sampel kajian terdiri daripada 25 orang pelajar dari satu kelas di Sekolah St Patrick, Limerick Ireland. Pelajar ini berumur dari 11 hingga 12 tahun dan mereka berasal dari negara Poland, Malaysia, Ireland, Italy, Portugal, Greece dan Bosnia. Pelajar dari berbilang negara ini berbual sesama sendiri dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan. Perbualan mereka dirakamkan pada setiap hari selama 2 jam waktu rehat dan bermain dalam 4 minggu. Perbualan pelajar yang berkaitan dengan kajian ini dianalisis bagi tujuan kajian ini. Perbualan pelajar dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis wacana oleh Brown dan Yule (1983). Brown dan Yule (1983) menyatakan bahawa analisis wacana adalah koheren wacana, peralatan yang digunakan dalam memberi makna teks, mewujudkan hubungan penyebab, kesinambungan topik, menentukan hubungan antara entiti wacana, mewujudkan dan merapatkan antara bahagian yang jelas dalam satu perbincangan.

Pengaruh Budaya Negara Pelajar

Pelajar didapati berbual mengenai budaya dari negara masing-masing. Pelbagai persoalan dikemukakan kepada pelajar sesama sendiri mengenai budaya seperti ‘Adakah kamu mengenalkan diri kamu semasa berjumpa dengan orang dewasa?’, ‘Mengapa kamu menundukkan kepala semasa berbual dengan ibu saya?’, ‘Mengapakah kamu berhenti berjalan apabila berselisih dengan guru?’, ‘Adakah agama kamu melarang kamu untuk berkawan rapat dengan kami?’, dan ‘Adakah kamu menyambut perayaan yang sama dengan kami?’. Persoalan di atas dapat menunjukkan bahawa pelajar ingin mengetahui mengenai budaya dari negara yang berlainan. Walaupun persoalan tersebut agak ringkas namun pelajar didapati berjaya memberikan jawapan yang mudah difahami seperti, ‘Di negara saya, apabila berjumpa dengan orang dewasa yang kami kenali, kami harus memperkenalkan diri.’, ‘Saya harus menundukkan kepala tanda hormat pada orang tua.’, ‘Saya harus memberi jalan kepada guru sebagai tanda hormat.’, ‘Agama saya tidak melarang saya untuk berkawan dengan siapa sahaja.’ dan ‘Tidak, saya menyambut hari hadiah kerana saya tidak menyambut Krismas seperti kamu’. Jawapan dari persoalan di atas dapat menggambarkan bahawa pelajar mampu berkongsi budaya mereka sendiri dengan pelajar lain dan jawapan itu pula dapat menggambarkan yang pelajar itu boleh berinteraksi dengan pelajar lain walaupun mempunyai budaya yang berlainan.

Pengaruh budaya tidak henti di situ sahaja dan pelajar di dapati cuba untuk membandingkan budaya mereka sendiri dengan budaya pelajar lain seperti, ‘Saya menyambut Krismas seperti kamu juga.’, ‘Saya berkumpul bersama keluarga saya setiap hari Krismas.’, ‘Saya akan memeluk Pakcik dan Makcik saya apabila bertemu.’, ‘Saya makan dengan menggunakan sudu dan garfu.’, ‘Saya membaca doa sebelum makan.’ dan ‘Setiap malam sebelum tidur, saya akan memohon maaf dari ibu dan bapa saya.’. Perbandingan yang diberikan oleh pelajar didapati agak menarik dan ada di antara pelajar yang mengangguk tanda setuju atau mereka mempunyai budaya yang sama dengan pelajar tersebut. Ada kalanya pelajar didapati tersenyum tanda setuju dan ada juga di antara mereka yang terkejut dengan kenyataan yang diberikan oleh pelajar itu seperti ‘Setiap malam sebelum tidur, saya akan memohon maaf dari ibu dan bapa saya.’ Ucapan ini didapati agak baharu bagi mereka kerana ramai di antara mereka tidak berbuat begitu sebelum tidur malah mereka memberi pandangan seperti ‘Saya tidak memohon maaf kepada ibu bapa saya tetapi saya berdoa di sudut katil kepada Tuhan saya bagi melindungi ibu dan bapa saya’. Jawapan

yang diberikan ini menunjukkan mereka memahami akan agama masing-masing. Justeru, pengaruh budaya negara pelajar didapati dapat memberikan pelajar peluang untuk mengenali budaya rakan mereka dan daripada perbualan ini pelajar ini menghormati akan perlakuan rakan-rakan mereka dari negara lain.

Pengaruh Minat Setiap Pelajar

Melalui perbualan yang dirakam, pelajar didapati menunjukkan minat mereka kepada pelajar lain. Minat terhadap pasukan bola sepak, makanan, dan permainan komputer telah menjadi tajuk perbualan mereka apabila berjumpa. Minat terhadap pasukan bola sepak diperbualkan dengan begitu aktif dan mereka kelihatan ketawa sambil menunjukkan gaya permainan bola tersebut. Perbualan mengenai pasukan bola sepak ini seperti, 'Saya meminati pasukan Manchester United', 'Saya lebih suka pasukan Liverpool kerana pasukan ini sangat kuat', 'Rooney memang tidak berdisiplin', 'Gerard lebih kuat berbanding dengan Rooney', 'Dulu saya meminati Manchester United tapi kini saya lebih suka pasukan Chelsea', dan 'Pasukan Arsenal sangat berdisiplin, saya memang kagum terhadap pasukan ini'. Petikan perbualan di atas mengenai pasukan bola sepak menunjukkan pelajar begitu aktif dan berlumba-lumba untuk memberikan pendapat untuk pasukan kegemaran masing-masing. Mereka juga kelihatan menunjukkan gaya menendang bola serta menanduk bola di hadapan rakan-rakan mereka. Walaupun ada di antara mereka tidak dapat memahami akan apa yang diperkatakan oleh rakan mereka namun apabila gerak gaya menendang bola serta menanduk bola digayakan, mereka kelihatan tersenyum dan mengangguk tanda setuju. Oleh itu perbualan dalam bahasa Inggeris yang terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka boleh difahami oleh pelajar dari negara lain.

Selain itu, makanan kegemaran juga diperbualkan oleh pelajar. Oleh kerana mereka berasal dari negara yang berlainan, mereka mampu berkongsi cerita bersama dengan rakan mereka dari negara lain. Pernyataan dan persoalan mengenai makanan kegemaran banyak diperbincangkan seperti, 'Saya suka makan ayam kari bersama dengan roti. Awak pernah rasakah?', 'Saya tidak gemar makan nasi. Awak makan nasi setiap harikah?', 'Suka makan sayur yang banyak setiap hari. Awak suka makan sayur apa?', 'Saya suka makanan semasa Krismas. Awak suka tak kek krismas?' dan 'Saya lebih suka makan ikan dan ubi kentang. Awak pernah makan ikan dan ubi kentang di kedai sana tu?'. Perbualan pelajar di atas menunjukkan pelajar

ingin berbual mengenai makanan kegemaran mereka. Mereka juga bertanyakan soalan selepas memberitahu mengenai makanan kegemaran mereka itu. Pelajar lain kelihatan mengangguk kepala tanda setuju dan mereka juga ingin berkongsi pengalaman semasa mereka menyambut hari krismas setiap tahun. Walaupun pelajar dari pelbagai negara, mereka didapati dapat berkongsi cerita apabila hal makanan kegemaran diperbincangkan.

Permainan komputer juga diperbualkan oleh pelajar ini. Keseluruhan pelajar mempunyai komputer di rumah dan ini dapat memberikan mereka ruang untuk berbincang mengenai permainan komputer bersama dengan rakan yang lain. Walaupun banyak soalan dikemukakan oleh pelajar kepada pelajar lain kerana halangan bahasa, akhirnya pelajar dapat memahami dengan jelas. Ini terbukti kerana mereka dapat menyambung perbualan mereka mengenai permainan komputer tersebut. Pendapat mereka seperti, 'Awak suka permainan komputer bola sepak? Saya lebih suka permainan ini dari yang lain', 'Saya lebih suka permainan gitar hero. Mudah dan menarik', 'Saya lebih suka permainan berbentuk gergasi dan yang berlawanan dengan pedang', 'Saya suka main tenis dan snooker sahaja sebab saya rasa jika ada watak gergasi, ibu saya tidak benarkan saya bermain' dan 'Saya pernah bermain permainan komputer hingga ke pagi. Masa tu cuti sekolah'. Pendapat di atas menunjukkan pelajar dapat berkongsi minat dalam permainan komputer walaupun kadangkala mereka kelihatan tidak memahami apa yang rakan mereka ujkarkan. Ada di antara mereka yang cuba melukis bentuk permainan komputer di atas tanah dan pelajar lain cuba membantu untuk meneka jenis permainan tersebut. Halangan bahasa di antara mereka dapat diselesaikan dengan mudah memandangkan mereka mempunyai kegemaran yang sama terhadap permainan komputer. Justeru, pengaruh minat terhadap pelajar dapat memainkan peranan yang penting dalam perbualan di antara mereka walaupun mereka dari negara yang berlainan.

Pengaruh Bahasa Ibunda Pelajar

Pengaruh bahasa ibunda pelajar amat kerap berlaku semasa mereka berbual sesama sendiri. Ini berlaku kerana mereka tidak begitu mahir dalam bahasa Inggeris dan kadangkala mereka menggunakan bahasa ibunda untuk menerangkan kepada rakan mereka. Ini jelas berlaku apabila mereka tersasul menggunakan bahasa ibunda mereka di dalam perbualan itu. Perkataan dalam bahasa ibunda ditandakan dengan *** dan digantikan dengan bahasa Melayu. Perbualan pelajar

seperti, ‘Saya ingin masuk ke dalam sana tetapi ibu saya tidak *** (membenarkan) saya pergi’, ‘Awak tidak perlu ikut saya bermain kerana hari ini saya ingin mencari *** (jiran sebelah rumah) saya dahulu, ‘Dia suka duduk di sebelah saya tetapi saya lebih *** (suka) jika awak yang duduk di sebelah saya’, ‘Jangan tinggalkan beg awak di situ kerana *** (semalam) beg saya hilang’ dan ‘Kaki dia *** (luka) kerana terjatuh semalam. Pengaruh bahasa ibunda dalam perbualan di atas dapat difahami dengan jelas apabila rakan senegara yang lain cuba memberikan penerangan yang jelas mengenai apa yang diujarkan oleh rakan mereka itu. Walaupun kadangkala mereka kelihatan gagap untuk memberi ujaran, namun mereka meneruskan perbualan tanpa segan dan silu dan rakan yang lain kelihatan tersenyum tanda mereka memahami apa yang diujarkan itu.

Pengaruh dari bahasa ibunda kerap berlaku kerana mereka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan mereka cuba untuk menggunakan bahasa ibunda dalam perbualan mereka. Pada mulanya mereka akan menyebut dalam bahasa ibunda tetapi selepas itu mereka akan menggunakan bahasa Inggeris supaya rakan yang lain memahami apa yang diujarkan. Ujaran seperti, ‘Saya akan berjumpa dengan guru sebentar lagi’, ‘Saya terlupa untuk membawa kerja sekolah semalam’, ‘Awak akan makan bersama saya waktu rehat ini?’, ‘Cikgu bahasa Irish ingin berjumpa dengan awak waktu rehat nanti’ dan ‘Tunggu saya di sana nanti’. Walaupun mereka menggunakan bahasa ibunda pada awalnya tetapi pelajar dapat menterjemahkan bahasa tersebut ke bahasa Inggeris dan mereka kelihatan memahami akan ujaran tersebut dengan mudah. Ini jelas terbukti apabila mereka mengikut arahan yang diberikan oleh rakan mereka. Oleh itu pengaruh bahasa ibunda sememangnya kerap berlaku tetapi dapat diatasi setelah mereka sedar yang rakan mereka tidak memahami bahasa ibunda tersebut lalu menterjemahkan ke bahasa Inggeris dengan serta merta.

Rumusan dapatan kajian di atas, di dapati bahawa pengaruh budaya negara masing-masing jelas kedengaran dalam perbualan di antara mereka. Pengaruh minat pelajar seperti minat terhadap bola sepak, minat terhadap makanan kegemaran serta minat terhadap permainan komputer jelas kedengaran semasa mereka berbual. Selain itu, Pengaruh bahasa ibunda pelajar jelas kedengaran dalam setiap perbualan serta pelajar dapat memahami apa yang diujarkan oleh pelajar dari negara lain. Pelajar juga dapat menunjukkan minat yang mendalam terhadap minat pelajar dari negara lain serta dapat menterjemahkan dari bahasa ibunda ke bahasa Inggeris semasa perbualan. Pelajar memahami istilah bahasa badan apabila mereka cuba berbual bersama

rakan walaupun halangan bahasa kerap berlaku. Kajian ini hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim (2011a) dan Nassaji (2011) mengenai perbincangan di dalam kumpulan kecil dapat memberikan keyakinan diri terhadap setiap pelajar dalam memberikan pandangan dan pendapat masing-masing.

Kesimpulan

Kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelajar yang sentiasa bertukar sekolah di negara lain untuk berkomunikasi dengan lebih baik, dan pada masa yang sama dapat berkawan dengan rakan baharu dari negara lain. Oleh itu pergaulan ini dapat memberi ruang dalam mengenali budaya serta minat yang lain dari apa yang mereka ada. Kajian ini dapat membantu masyarakat untuk lebih peka terhadap pembelajaran anak-anak di sekolah terutamanya untuk ibu bapa yang sentiasa keluar negara untuk bekerja dan anak-anak mereka bersekolah di negara lain. Kajian akan datang diharapkan dapat menumpukan perhatian terhadap pembelajaran pelajar Melayu yang belajar di negara di timur seperti Korea, Jepun atau China.

RUJUKAN

- Brown, G. and Yule, G. (1983) *Discourse Analysis*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Cazden, C. (1986). Classroom discourse. In M.C. Wittrock (Ed.), *Handbook on teaching* (3rd ed., pp. 432-460). New York: Macmillan.
- Dawes, L., Mercer, N., and Wegerif, R. (2004, second edition) *Thinking Together: a programme of activities for developing speaking, listening and thinking skills*. Birmingham; Imaginative Minds Ltd.
- Edwards, A. D. dan Westgate, D. P. G. (1987) “ *Investigating Classroom Talk*”. The Falmer Press: London
- Gillen, J., Kleine Staarman, J., Littleton, K., Mercer, N. & Twiner, A. (2007) A "learning revolution"? Investigating pedagogic practice around interactive whiteboards in British primary classrooms. *Learning, Media and Technology*. 32, 3, 243-256.
- Mercer, N. (2005) Sociocultural discourse analysis: analysing classroom talk as a social mode of thinking. *Journal of Applied Linguistics*, 1, 2, 137-168.
- Myhill, D. (2006). Prior knowledge and the (re)production of school written genres. *Studies in Writing*, vol. 15, p. 117–136.
- Nassaji, H. and Wells, G. (2000). What's the use of 'triadic dialogue'? An investigation of teacher-student interaction. *Applied Linguistics*, 21, 376-406.
- Nassaji, H. (2011). Immediate learner repair following interactional feedback and its relationship with learning targeted forms. *System: An International Journal of Educational Technology and Applied Linguistics*, 39, 17-29.
- Nassaji, H. and Tian, J. (2010). Collaborative and individual output tasks and their effects on learning English phrasal verbs. *Language Teaching Research*, 14, 397–419.
- Normaliza Abd Rahim (2011a) Analisis Wacana Tulisan di Laman Twitter Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Journal Sains Sosial dan Pengurusan Teknologi UMP*.
- Normaliza Abd Rahim (2011b) Gangguan dalam Sesi Ber cerita Kanak-Kanak Asperger. *Jurnal PLM*. Jilid 13, Jun 2011. Pp. 1-10
- Normaliza Abd Rahim, Kamaruzaman Jusoff and Siti Nur Aliaa Roslan (2011) Sustaining Communication in Collaborative Learning Environment. *Journal of Public Administration and Social Policy*. vol. 3, no. 2(7) December. pp. 51-58
- Stahl, G (2009) How I View Learning and Thinking in Computer Supported Collaborative Learning Groups. Opening keynote talk at the International Conference on Computers and Education (ICCE 2009), Hong Kong, December 1, 2009. <http://gerrystahl.net/cscl/index.html>. retrieved 25.11.11
- Tan Chong Seng dan Mohammad Yusof Arshad (2008) *Interaksi verbal pengajaran dan pembelajaran sains sekolah rendah*. In: Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains & Matematik 2008, 11 - 12 Oktober 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Weinberger, A., and Fischer, F. (2005). A framework for analyzing argumentative knowledge construction in computer-supported collaboration learning. *Computers & Education*, 46(1), 71-95.